



Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia 3(2006): 43-54

Keberkesanan Penggunaan Buku Elektronik: Penulisan Karangan Berbentuk Deskriptif

JAMALUDIN HAJI BADUSAH & MOHAMED AMIN EMBI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan buku elektronik terhadap pencapaian pelajar dalam penulisan karangan bahasa Melayu berbentuk deskriptif di sekolah menengah. Melalui aktiviti penulisan karangan, pelajar di dalam kumpulan eksperimen diberi rawatan untuk mendokumentasikan maklumat yang diperolehi dengan bantuan buku elektronik. Kajian kuasi eksperimen ini dilakukan terhadap pelajar tingkatan empat ($n = 120$). Seramai 60 orang dijadikan kumpulan eksperimen dan 60 orang lagi sebagai kumpulan kawalan. Instrumen kajian ini adalah terdiri daripada karangan deskriptif yang diskorkan dengan Skema Pemarkahan Karangan (Bahasa Malaysia I) Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kajian ini menggunakan analisis multivariat untuk menguji min skor karangan dan skor nilai tambah menggunakan General Linear Model - ANOVA Repeated Measures serta analisis regresi berganda (Multiple Regression Analysis). Keputusan kajian ini memperlihatkan bahawa kesan rawatan penggunaan buku elektronik telah meningkatkan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan berbentuk deskriptif bahasa Melayu. Skor nilai tambah karangan perbincangan bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi secara signifikan ($p < 0.05$) dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Faktor rawatan telah memberi sumbangan yang bermakna kepada pencapaian skor ujian pos berbanding dengan pencapaian bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada peringkat PMR yang digunakan sebagai kovariat. Dari segi afektif, dapatan kajian menunjukkan minat, sikap, motivasi dan efikasi-kendiri pelajar adalah baik manakala tahap kebimbangan adalah sederhana terhadap penggunaan buku elektronik.

Kata kunci: Buku elektronik; penulisan karangan

ABSTRACT

This study is designed to examine the effectiveness of the usage of electronic books on descriptive Malay language essay writing in secondary schools. Through an essay writing activity, students in the experimental group was given a treatment to document information obtained with the help of electronic



books. This quasi-experimental study was undertaken on a group of Form Four students ($n = 120$). A total of 60 students were involved in the experimental group and 60 others were involved in the control group. The instrument used in the study is a descriptive essay graded using the Malaysian Examination Syndicate Essay Marking Scheme for Bahasa Malaysia I. The study uses a multivariate analysis to find out the essay mean score and the value added score using the General Linear Model - ANOVA Repeated Measures as well as the Multiple Regression Analysis. The results of the study show that the effect of the treatment given using the electronic book has increased students' achievement in the descriptive Malay language essay. The value added score of the essay of the experimental group was significantly higher ($p < 0.05$) than the control group. The treatment factor showed a meaningful contribution to the post-test achievement in comparison to the PMR Malay and English language achievements used as a covariate. From the affective point of view, the findings of the study also indicated that students' interest, attitude, motivation dan self-efficacy are good; whereas, the anxiety level towards the usage of electronic books is average.

Keywords: Electronic book; essay writing

PENGENALAN

Pendidikan bahasa Melayu di sekolah menengah pada peringkat tingkatan empat dan lima dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu lisan, bacaan, penulisan dan tatabahasa. Penulisan karangan adalah satu komponen yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa Melayu pada peringkat ini. Penulisan karangan melibatkan ketepatan memberikan takrifan tajuk, persempahan isi atau buah fikiran, penggunaan bahasa yang tepat serta gramatis, pengolahan, penyampaian dan kemampuan membuat pemerenggan (Abdullah 1996; Kementerian Malaysia 2000). Salah satu masalah yang berkaitan dengan ketidakmampuan menulis karangan dengan baik di kalangan pelajar-pelajar adalah disebabkan kurangnya maklumat yang ada dalam pengetahuan mereka bagi mentakrifkan tajuk dan mengembangkan isi atau buah fikiran dalam penulisan karangan. Kekurangan pengetahuan berlaku kerana pelajar-pelajar tidak banyak melakukan pembacaan (Abdullah 1996).

Penulisan karangan berkait rapat dengan tahap pembacaan (Howie 1989). Keupayaan mengumpulkan maklumat melalui pembacaan berkaitan juga dengan persekitaran maklumat, minat dan motivasi untuk pembacaan pelajar. Di samping itu, kemudahan mendapatkan bahan dan kesempatan untuk melakukan pembacaan juga memberikan sumbangan kepada keupayaan mengumpulkan maklumat (Krashen 1984; Howie 1989; Olson 2003). Pembacaan pada zaman teknologi ini bukan sahaja terbatas kepada bahan-bahan bercetak malahan terdapat dalam bentuk digital. Buku elektronik



mampu menyediakan bahan bacaan yang terdiri daripada pelbagai jenis buku, majalah dan surat khabar. Kemudahan yang sedemikian boleh disifatkan sebagai sebuah kedai buku sehingga ada kalanya boleh dikategorikan sebagai perpustakaan maya (Gandhi 2001).

PENYATAAN MASALAH

Penggunaan buku elektronik di bilik-bilik darjah adalah merupakan satu inovasi yang sesuai dengan gaya pembacaan generasi kini untuk mendapatkan maklumat. Kemajuan di dalam teknologi informasi dan komunikasi telah membawa aliran atau kaedah baru dalam kaedah dan cara pembacaan. Akhir-akhir ini telah berlaku perubahan tentang cara pembacaan, daripada membaca maklumat di atas kertas sahaja kepada membaca maklumat di dalam bentuk digital di layar komputer. Dapatan kajian oleh Gandhi (2001) menunjukkan bahawa pembacaan melalui layar komputer khususnya buku elektronik adalah merangkumi maklumat-maklumat digital seperti bahan-bahan pemprosesan perkataan, surat elektronik, hiperteks atau internet.

Penggunaan buku elektronik yang mempunyai aplikasi buku digital, komputer dan internet adalah alat bantu belajar yang menarik untuk digunakan bagi tujuan pembelajaran di dalam bilik darjah pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi. Buku elektronik adalah buku digital yang dikawal perisianya menerusi portal pembelajaran. Penggunaan buku elektronik memberikan wadah baru bagi menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar untuk membaca serta mengumpulkan maklumat (Gandhi 2001). Buku elektronik yang beroperasi tanpa wayar dan mudah untuk digunakan adalah sesuai bagi mendapatkan maklumat dengan selesa dan pantas. Maklumat di dalam buku elektronik adalah berbentuk setempat kerana buku ini menggunakan sistem tetingkap yang membenarkan lebih daripada satu tetingkap muncul di layar buku elektronik tersebut. Pelbagai bahan pembacaan yang berbentuk multimedia boleh dicapai melalui tetingkap oleh pelajar sama ada melalui aplikasi Internet atau teks digital (Godwin 2003). Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa keistimewaan dan kemudahan yang disediakan oleh komputer dan internet dapat mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran di bilik darjah (Becker 1994; Awbrey 1996; Bracha & Feldman 2000; Chambers & Davies 2002). Persoalannya, dapatkah penggunaan buku elektronik mempertingkatkan pengetahuan dan maklumat pelajar bagi pengembangan isi-isi karangan khususnya untuk tujuan penulisan karangan bahasa Melayu berbentuk deskriptif?

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuasi eksperimen yang berfokus kepada keberkesanannya dan sumbangan penggunaan buku elektronik terhadap pencapaian



penulisan karangan bahasa Melayu pelajar Tingkatan 4. Kajian ini melihat perbezaan pencapaian dua kumpulan pelajar dalam penulisan karangan berbentuk deskriptif. Kumpulan pertama ialah kumpulan eksperimen. Pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen belajar menggunakan bantuan buku elektronik manakala kumpulan kawalan tidak menggunakan buku elektronik dalam pembelajaran penulisan karangan.

Pencapaian keseluruhan penulisan karangan diukur berdasarkan kemampuan pelajar menjawab soalan karangan yang berbentuk deskriptif. Pengukuran pencapaian memberi tumpuan kepada kemampuan pelajar membuat takrifan tentang tajuk, mengemukakan isi yang bernas, menulis dengan menggunakan bahasa yang baik dan kemampuan mengolah dengan menarik. Tajuk-tajuk karangan yang diberikan kepada pelajar adalah untuk menguji pelajar menjawab soalan dengan tepat dan menghuraikannya dengan mengemukakan isi dan fakta melalui bahasa yang baik bagi tidak kurang daripada 350 patah perkataan.


Reka bentuk kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1. Dalam kajian ini seramai 120 pelajar telah dijadikan responden kajian. Langkah seterusnya ialah membahagikan pelajar mengikut kumpulan. Kumpulan eksperimen adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang belajar dengan menggunakan bantuan buku elektronik manakala kumpulan kawalan mengikuti pembelajaran seperti biasa tanpa bantuan buku elektronik.

Kajian ini melibatkan 64 hari persekolahan. Pembelajaran bahasa Melayu untuk tempoh tersebut adalah selama 52 jam (40 minit X 6 waktu X 13 minggu) untuk kedua-dua kumpulan. Pembelajaran penulisan karangan dijalankan selama 80 minit seminggu di setiap kelas Tingkatan 4 mengikut susunan jadual waktu persekolahan sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui siaran dan pekeliling yang diedarkan ke sekolah-sekolah. Satu ujian pos dijalankan untuk membandingkan nilai skor pelajar sebelum dan selepas diberikan rawatan ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Tajuk karangan yang diberikan adalah sama dengan soalan pada peringkat ujian pra.

Pelajar kumpulan eksperimen juga diberikan soal selidik afektif yang terdiri daripada elemen motivasi, sikap, minat, efikasi-kendiri dan tahap kebimbangan yang bertujuan untuk melihat tanggapan mereka terhadap penggunaan buku elektronik dalam pembelajaran penulisan karangan.

DAPATAN KAJIAN

Data deskriptif yang diperoleh dihuraikan dalam bentuk min, sisihan piawai, skewness, kurtosis dan histogram. Data inferensi analisis *One-way Anova* yang diperoleh adalah untuk menguji perbezaan skor min ujian pra dan pos serta *skor nilai tambah* bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Selain daripada itu, data inferensi melibatkan analisis regresi berganda untuk



RAJAH 1. Reka bentuk kajian

melihat sumbangan pengaruh rawatan, pencapaian bahasa Melayu dan bahasa Inggeris terhadap pencapaian ujian pos dan nilai tambah dalam karangan deskriptif. Di samping itu, dihuraikan juga data deskriptif tentang faktor-faktor afektif seperti minat, sikap, motivasi, effikasi diri dan tahap kebimbangan bagi mendapatkan tanggapan pelajar terhadap penggunaan buku elektronik.

ANALISIS NORMALITI DATA

Analisis normaliti data dilakukan dengan membuat pemeriksaan terhadap indeks-indeks skewness dan kurtosis serta analisis histogram. Analisis kelinearan data pula dilakukan dengan membuat pemeriksaan terhadap plot normal regresi (*regression normal plot*) yang didapati daripada subprogram ‘Linear Regression: Plots’ yang terdapat dalam program SPSS 10.05.

Jadual 1 menunjukkan skor min, sisihan piawai, skewness dan kurtosis bagi pencapaian 120 orang pelajar dalam penulisan karangan berbentuk deskriptif bagi ujian pra. Daripada jadual itu didapati indeks-indeks skewness dan kurtosis bagi skor ujian pra bahawa taburan skor bagi keempat-empat jenis karangan adalah pada taburan normal. Indeks-indeks skewness berada pada nilai indeks antara +1.0 dan -1.0. Indeks-indeks yang sedemikian memberikan gambaran bahawa taburan skor karangan mempunyai



kecondongan yang normal iaitu tidak condong ke kiri atau ke kanan. Daripada jadual tersebut didapati juga indeks-indeks kurtosis bagi karangan ujian pra berada antara +1.0 dan -1.0. Ini bermakna keserataan taburan bagi setiap jenis karangan adalah juga normal dengan min adalah 61.70 pada ujian pra dan min 74.53 pada ujian pos.

JADUAL 1. Min, sisihan piawai, skewness dan kurtosis bagi skor ujian pra, ujian pos dan skor nilai tambah


Ujian / Skor	N	Min	Sisihan Piawai	Skewness	Kurtosis
Ujian Pra120	61.70	4.94	-0.444	-0.593	
Ujian Pos	120	74.53	6.51	-0.147	-0.393
Skor Nilai Tambah	120	12.82	7.16	0.246	-0.104

ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis min pencapaian ujian pra dengan ujian pos dilakukan menggunakan *GLM Repeated Measure* (One-way Anova) bagi melihat sama ada wujud perbezaan antara kedua-kedua ujian tersebut. Ujian pra dan ujian pos dimasukkan sebagai faktor kesan rawatan, manakala pencapaian dalam bahasa Melayu PMR dan pencapaian dalam bahasa Inggeris PMR dijadikan sebagai kovariat. Analisis perbandingan bagi skor nilai tambah antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pula dilakukan menggunakan *GLM Univariate* (One-way Anova).

Daripada Rajah 2, analisis min terhadap kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan menunjukkan bahawa min pencapaian bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi (min ujian pos 79.21) dibandingkan dengan min pencapaian bagi kumpulan kawalan (min ujian pos 69.85). Rajah 2 memaparkan perubahan skor-skor min pencapaian karangan deskriptif antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan secara grafik. Daripada rajah tersebut jelas menunjukkan kedudukan pencapaian ujian pos kumpulan eksperimen lebih tinggi daripada kumpulan kawalan. Ini menandakan bahawa penggunaan buku elektronik dalam tempoh kajian ini telah meningkatkan pencapaian keupayaan pelajar menulis karangan dalam bentuk deskriptif.

Daripada Jadual 2 ditunjukkan analisis *GLM Repeated Measure* (One-way Anova) bagi perbandingan min dalam pencapaian ujian pra dan ujian pos karangan deskriptif antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dengan menggunakan pencapaian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai kovariat. Berdasarkan Jadual 3 didapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian karangan deskriptif antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan ($F = 40.552; p < 0.01$) serta pencapaian bahasa Inggeris di peringkat PMR ($F = 7.420, p < 0.01$). Analisis juga menunjukkan bahawa pencapaian dalam Bahasa Melayu tidak mempengaruhi perbezaan antara dua



RAJAH 2. Graf skor karangan deskriptif antara kumpulan

JADUAL 2. Perbandingan min dalam pencapaian keseluruhan karangan deskriptif

Sumber	Df	Min Square	F	Sig.
Intercept	1	94943.696	3180.627	0.000
Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	1	1210.504	40.552	0.000
BM (Kovariat)	1	39.796	1.333	0.251
BI (Kovariat)	1	221.480	7.420	0.007

kumpulan tersebut (Bahasa Melayu $F = 1.333, p = 0.251$). Ini bermakna pencapaian kumpulan eksperimen lebih baik secara signifikan berbanding dengan pencapaian kumpulan kawalan dalam karangan deskriptif.

Jadual 3 pula menunjukkan hasil analisis *GLM Univariate* (One-way Anova) bagi perbandingan min dalam skor nilai tambah karangan deskriptif dengan menggunakan pencapaian bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai kovariat. Berdasarkan jadual tersebut didapati terdapat perbezaan dalam pencapaian bagi skor nilai tambah karangan deskriptif antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan ($F = 101.716; p < 0.01$). Justeru, kajian ini mendapati nilai tambah karangan deskriptif adalah lebih besar secara signifikan bagi kumpulan eksperimen dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pencapaian dalam bahasa Melayu pada peringkat PMR dan bahasa Inggeris pada peringkat PMR tidak mempengaruhi perbezaan dalam pencapaian skor nilai tambah karangan deskriptif antara dua kumpulan tersebut. Dapatkan kajian ini bermakna pencapaian pelajar-pelajar dalam skor nilai tambah karangan deskriptif adalah disebabkan oleh penggunaan buku elektronik semata-mata.



JADUAL 3. Perbandingan min dalam skor nilai tambah karangan deskriptif

Sumber	Df	Min Square	F	Sig.
Intercept	1	1929.636	68.823	0.000
BM (Kovariat)	1	1.683	0.060	0.807
BI (Kovariat)	1	2.578	0.092	0.762
KUMPULAN	1	2851.875	101.716	0.000

SUMBANGAN BUKU ELEKTRONIK

Jadual 4 menunjukkan bahawa persamaan keseluruhan regresi (overall regression equation) untuk pencapaian dalam karangan deskriptif ialah sebanyak 58.8%. Walau bagaimanapun, analisis berdasarkan perubahan bagi setiap komponen (*R square change*) menunjukkan bahawa kesan rawatan adalah penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 52.0% pada paras signifikan $p < 0.01$ dan $F = 128.030$. Nilai beta bagi faktor rawatan ialah .731. Skor ujian pra karangan deskriptif dan pencapaian dalam Bahasa Inggeris pula didapati memberi sumbangan yang signifikan dengan skor ujian pra menyumbang sebanyak 6.0% ($F = 17.377$; $p < .01$; beta = .251) manakala Bahasa Inggeris PMR menyumbang sebanyak 1.9% ($F = 4.727$; $p < .05$; beta = .085). Pencapaian dalam Bahasa Melayu didapati tidak memberi sumbangan yang signifikan ($F = 0.615$; $p = .435$). Ini bermakna bahawa ketiga-tiga faktor iaitu faktor rawatan, pencapaian Bahasa Inggeris dan skor ujian pra memberi sumbangan yang signifikan terhadap skor pencapaian ujian karangan deskriptif dengan kesan rawatan adalah sebagai penyumbang yang terbesar. Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa rawatan penggunaan buku elektronik telah menghasilkan kesan yang signifikan dalam karangan deskriptif.

JADUAL 4. Analisis regresi berganda terhadap pengaruh rawatan, pencapaian bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam karangan deskriptif

Model	R	R Square	Adjusted R Square	R Square Change	F Change	df1	Sig. F Change
a	.721	.520	.516	.520	128.030	1	0.000
b	.723	.523	.515	.003	0.615	1	0.435
c	.736	.542	.530	.019	4.727	1	0.032
d	.776	.602	.588	.060	17.377	1	0.000

a Predictors: (Constant), kumpulan eksperimen dan kawalan

b Predictors: (Constant), kumpulan eksperimen dan kawalan, PMR bahasa Melayu

c Predictors: (Constant), kumpulan eksperimen dan kawalan, PMR bahasa Melayu, PMR Bahasa Inggeris

d Predictors: (Constant), kumpulan eksperimen dan kawalan, PMR bahasa Melayu, PMR bahasa Inggeris, Min Deskriptif (Pre)



TANGGAPAN PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN BUKU ELEKTRONIK

Jadual 5 menunjukkan dapatan kajian terhadap dimensi-dimensi sikap, minat, motivasi, efikasi-kendiri dan tahap kebimbangan pelajar kumpulan eksperimen terhadap penggunaan buku elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Daripada jadual tersebut didapati dimensi minat (min 4.20), sikap (min 3.98), motivasi (min 3.85) dan efikasi-kendiri (min 3.70) adalah tinggi terhadap penggunaan buku elektronik. Keadaan ini menggambarkan tanggapan pelajar yang menggunakan buku elektronik adalah baik. Pelajar mempunyai sikap yang positif dan minat yang tinggi. Di samping itu pelajar juga mempunyai motivasi serta efikasi-kendiri yang positif.

JADUAL 5. Min dan sisihan piawai bagi tanggapan pelajar terhadap penggunaan buku elektronik mengikut dimensi afektif

Dimensi afektif	N	Min	Sisihan Piawai
Minat	60	4.20	0.51
Sikap	60	3.98	0.52
Motivasi	60	3.85	0.52
Efikasi-Kendiri	60	3.70	0.59
Tahap Kebimbangan	60	3.25	0.63

Dari segi minat (min 4.20), kebanyakan pelajar cuba mendapatkan bahan daripada buku elektronik untuk penulisan karangan kerana bahan pembacaan mudah diperolehi melalui buku elektronik. Kebanyakan pelajar juga menggunakan buku elektronik untuk mencari bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan. Kebanyakan pelajar juga bersetuju bahawa buku elektronik membantu kepada penyediaan persekitaran pembelajaran yang menarik kerana terdapatnya bahan yang berbentuk multimedia dan interaktif.

Dari segi sikap (min 3.98), kajian ini mendapati bahawa kebanyakan pelajar suka menggunakan buku elektronik dalam pembelajaran penulisan. Kebanyakan pelajar juga bersedia menggunakan buku elektronik dalam pembelajaran di dalam bilik darjah dan mereka juga memastikan penggunaan buku elektronik membantu pembacaan tambahan. Mereka mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan buku elektronik adalah juga disebabkan bahan bacaan yang terdapat di dalamnya lebih baik daripada bahan di dalam bilik darjah biasa.

Dari segi motivasi (min 3.85) kajian ini mendapati bahawa kebanyakan pelajar dalam kelas eksperimen sepanjang waktu pembelajaran penulisan sentiasa aktif berinteraksi dengan rakan-rakan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Kebanyakan pelajar suka menggunakan buku elektronik walaupun tajuk karangan yang diberikan sukar atau tidak menarik. Kebanyakan pelajar



mendapati mereka sentiasa mahu menggunakan buku elektronik kerana tiada alasan yang kukuh untuk tidak menggunakannya.

Dari segi efikasi-kendiri (min 3.70) kebanyakan pelajar berasa cukup puas apabila dapat menyelesaikan latihan penulisan dengan menggunakan buku elektronik. Pelajar juga mendapati buku elektronik membantu mereka mengatasi tugas penulisan yang sukar terutamanya dalam memberikan takrifan kepada soalan karangan. Kebanyakan pelajar berasa efikasi-kendiri mereka berada di tahap yang tinggi kerana mereka berkemampuan menjawab soalan-soalan yang memerlukan banyak fakta bagi melakukan penghujahan terutamanya dalam karangan perbincangan.

Walau bagaimanapun, didapati tahap kebimbangan (min 3.25) menunjukkan kebimbangan pelajar terhadap penggunaan buku elektronik adalah sederhana. Ada di kalangan pelajar kadang-kadang berasa bimbang untuk belajar menggunakan bantuan buku elektronik. Ada juga sesetengah pelajar berasa gugup apabila guru menggunakan buku elektronik dalam penulisan karangan. Terdapat juga pelajar yang bimbang bahawa markah mereka akan merosot, akan tetapi terdapat sesetengah pelajar berasa yakin dengan bantuan buku elektronik dapat meningkatkan pencapaian mereka. Kebimbangan di kalangan pelajar didapati lebih tertumpu kepada perkara yang berkaitan dengan kesan penggunaan buku elektronik terhadap keputusan peperiksaan dan kebimbangan penggunaan peralatan yang baru di dalam pembelajaran.

Bagi karangan deskriptif penyumbang utama kepada pencapaian penulisan dalam komponen-komponen takrifan, isi, bahasa dan pengolahan karangan ialah kesan rawatan yang menggunakan buku elektronik. Penyumbang kedua terbesar ialah ujian pra sebagai kovariat manakala pencapaian bahasa Inggeris PMR (kovariat) didapati memberikan sumbangan yang signifikan dalam komponen isi dan pengolahan. Ini bermakna bahawa tiga faktor sahaja iaitu faktor rawatan, skor ujian pra dan pencapaian bahasa Inggeris PMR memberi sumbangan bermakna terhadap skor pencapaian komponen karangan deskriptif dengan kesan rawatan adalah sebagai penyumbang yang terbesar. Walau bagaimanapun, analisis regresi berganda terhadap skor nilai tambah komponen karangan deskriptif membuktikan bahawa hanya penggunaan buku elektronik dan ujian pra sahaja yang memberikan sumbangan bermakna. Oleh yang demikian bolehlah dikatakan rawatan penggunaan buku elektronik telah memberikan kesan rawatan yang bermakna dalam penulisan karangan komponen deskriptif.

KELEBIHAN BUKU ELEKTRONIK

Buku elektronik mempunyai aplikasi buku teks digital, komputer dan Internet. Alat ini adalah merupakan bahan bantu belajar yang baru. Buku elektronik ini menggabungkan pelbagai aplikasi teknologi yang sesuai sebagai penyediaan



persekitaran yang kaya maklumat dan sumber maklumat setempat. Fenomena ini adalah sebagai satu inovasi dalam pendekatan pengajaran bahasa yang dibantu komputer. Penggunaan pelbagai teknologi terkini seperti komputer dan Internet dapat meningkatkan pencapaian dan memperbaiki sikap pelajar dalam aktiviti penulisan. Pelbagai jenis buku, majalah dan surat khabar terdapat dalam sebuah buku elektronik. Buku elektronik mempunyai layar dan papan kekunci yang saiznya lebih kecil daripada sebuah komputer persendirian. Saiz buku elektronik adalah sebesar saiz buku biasa. Buku elektronik ini bersifat tanpa wayar dan beroperasi dalam bentuk jaringan Internet atau rangkaian setempat (Local Area Network) (Gandhi 2001; Godwin 2003). Berdasarkan kelebihan ciri-ciri fizikal dan kemudahan yang ada pada buku elektronik ini, didapati pelajar-pelajar di dalam kumpulan eksperimen telah mendapat manfaat dan menghasilkan penulisan karangan deskriptif yang lebih baik.

KESIMPULAN

Keputusan kajian ini menegaskan kepentingan penggunaan buku elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu khususnya dalam penulisan karangan berbentuk deskriptif. Pelajar-pelajar berjaya meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang penulisan. Ini selaras dengan dapatan kajian Gray dan Xiaoli (2000) yang mendapati penggunaan internet dalam pembelajaran dapat mempertingkatkan pencapaian pelajar-pelajar. Selain itu pelajar juga boleh memperolehi maklumat yang disalurkan melalui Internet sebagai sumber tambahan (Gandhi 2001). Buku elektronik mempunyai kemudahan untuk mencapai Internet di mana-mana juga di dalam kawasan sekolah. Langkah sedemikian merupakan satu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mempertingkatkan pengetahuan serta pencapaian pelajar khususnya untuk tujuan penulisan.

Kajian ini membuktikan bahawa projek penggunaan buku elektronik berjaya mencapai matlamat dan tujuannya dalam pemupukan budaya pencarian dan pengubahsuaian maklumat di kalangan pelajar. Penilaian terhadap hasil penulisan karangan pelajar-pelajar yang menggunakan buku elektronik menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelebihan dari segi pelaksanaan seperti yang dirancangkan oleh guru dalam strategi pembelajaran di bilik darjah. Penilaian ini disokong dengan tanggapan pelajar yang baik terhadap penggunaan buku elektronik.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1996. *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
Awbrey, S.M. 1996. Succesfully intergrating new technologies into higher education curriculum. *Journal of Educational Technology* 5(7): 7-10.



- Becker, Henry Jay. 1994. Analysis and trends of school use of new information Technologies. Dlm. *Learning in a digital age-insight into the issue*. Fulton. 1997. California: Milken Family Foundation.
- Bracha, K & Feldman, Y. 2000. Internet in the classroom: Effects in reading comprehension, motivation and metacognitive awareness. *Educational Media International* 37(3): 149 -155.
- Chambers, P & Davies, L. (ed). 2002. *ICT and language learning: A European perspective*. The Netherland: Swets & Zeitlinger Publishers.
- Gandhi, Subash. 2001. E-Book – The future of reading and ultimate book Publishing. *Journal of Educational Technology System* 29(1): 49-66.
- Godwin, J.R. 2003. E- Books and the tablet PC. *Language Learning & Technology* 7(1): 4 - 8.
- Gray, Kenneth, C & Xiaoli, Cao. 2001. Computer and Internet usage in education: Theories, practice, and research basics. *Journal of Educational Technology System* 29(1): 41-48.
- Howie, Sherry Hill. 1989. *Reading, writing and computers: Planning for integration*. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. Laporan Peperiksaan SPM 2000, Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Krashen, D. 1984. *Writing – research, theory and applications*. California: Laredo Publication.
- Olson, Coral Booth. 2003. *The reading/writing connection: Strategies for teaching and learning in the secondary classroom*. Boston: Allyn and Bacon.
- Synder. 1998.



Jamaludin Haji Badusah & Mohamed Amin Embi
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D. E.
jhb@ukm.my
m.amin@ukm.my

